

MALAYSIA SUSUN STRATEGI TINGKAT PASARAN KE EROPAH

SHAH ALAM, 16 MAC (BERNAMA) -- MALAYSIA AKAN MENYUSUN STRATEGI UNTUK MENINGKATKAN PEMASARAN KERETA NASIONAL PROTON SAGA KE EROPAH, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

INI IALAH KERANA KERETA ITU MEMERLUKAN BEBERAPA MODIFIKASI, KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA DI SIDANG AKHBAR SELEPAS UPACARA MEMECAH TANAH UNTUK PROJEK PEMESINAN KOMPONEN ENJIN DAN PEMASANGAN TRANSMISI KERETA PROTON SAGA BERNILAI \$100 JUTA DI SINI.

KATANYA KERETA PROTON SAGA YANG KINI DIEKSPORT KE UNITED KINGDOM DAN EIRE TELAH PUN MENCAPAI HAD YANG DIBENARKAN DI BAWAH SKIM KEUTAMAAN AM (GSP).

BAGAIMANAPUN, BELIAU YAKIN KEADAAN INI DAPAT DIATASI MEMANDANGKAN PERKARA ITU TELAH PUN DIBANGKITKAN PADA MESYUARAT ANTARA ASEAN-KESATUAN EROPAH (EC) DI KUCHING, SARAWAK BARU-BARU INI.

KATANYA, EKSPORT KERETA PROTON SAGA KE UNITED KINGDOM SEHINGGA PENGHUJUNG TAHUN LALU BERJUMLAH 10,800 UNIT, MANAKALA UNTUK TIGA BULAN PERTAMA TAHUN INI ADALAH SEBANYAK 3,000 UNIT.

DATUK SERI DR MAHATHIR PERCAYA MALAYSIA AKAN TERUS DAPAT MENINGKAT PASARAN KERETA PROTON SAGA DI UNITED KINGDOM DAN JUGA MEMPERLUASKAN KE NEGARA-NEGARA EROPAH YANG LAIN.

BELIAU JUGA BERKATA PROTON TELAH BERJAYA MENDAPAT KEUNTUNGAN BARU SEBANYAK \$100 JUTA PADA TAHUN INI YANG MEMBOLEHKAN SYARIKAT ITU MELABURKAN SEMULA DALAM PROJEK BARU -- PEMESINAN KOMPONEN ENJIN DAN PEMASANGAN TRANSMISI KERETA PROTON.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PRESIDEN MITSUBISHI MOTORS CORPORATION OF JAPAN, ENCIK HIROKAZU NAKAMURA TELAH MEMBERI JAMINAN AKAN MEMPERCEPATKAN PERTUMBUHAN PROTON.

+WALAU PUN KITA HENDAK BERJAYA DALAM SEMUA PERKARA TETAPI UNTUK MENCAPAI SAMA TAHAP DENGAN PENGELUAR KERETA-KERETA YANG LAIN, PERKONGSIAN DENGAN MITSUBISHI MOTORS PERLU LAH DI KEKALKAN, KATANYA.+

BELIAU YAKIN KERJASAMA ANTARA PROTON DAN MITSUBISHI MOTORS AKAN MEMBERIKAN HASIL YANG BAIK.

BELIAU JUGA BERKATA, ENCIK NAKAMURA TELAH PUN MENCADANGKAN SUPAYA PUSAT KEJURUTERAAN YANG KECIL DI KILANG PROTON DIPERTINGKAT MENJADI SEBUAH PUSAT YANG BESAR.

INI AKAN MENINGKATKAN KEUPAYAAN PROTON DALAM KEJURUTERAAN YANG TELAH MENGALAMI PENINGKATAN YANG AMAT PESAT DALAM TEKNOLOGI YANG MANA TURUT MEMBERI PELUANG KEPADA INDUSTRI-INDUSTRI SAMPINGAN, KATANYA SAMBIL MENAMBAH BAHAWA PERKEMBANGAN INDUSTRI-INDUSTRI ITU MEMBOLEHKAN USAHAWAN-USAHAWAN TEMPATAN TURUT SERTA MENGELUARKAN KOMPONEN-KOMPONEN YANG BERMUTU TINGGI UNTUK PROTON.

BELIAU JUGA BERKATA SERAMAI 14 PEMBEKAL KOMPONEN MITSUBISHI MOTORS DARI JEPUN AKAN DIJEMPUT KEMARI UNTUK BERUNDING DAN MEMBANTU PENGELUAR-PENGELUAR KOMPONEN TEMPATAN.

MENGENAI KONTRAK PERLANTIKAN PENGARAH URUSAN PROTON, ENCIK KENJI IWABUCHI YANG AKAN TAMAT PADA BULAN OGOS INI, PERDANA MENTERI BERKATA, ENCIK IWABUCHI AKAN DIKEKALKAN SEHINGGA PROTON DAPAT MEMPERKENALKAN MODEL BARU TIDAK LAMA LAGI.

BELIAU BERKATA ENCIK IWABUCHI YANG KINI BERUSIA 60 TAHUN MEMPUNYAI PENGALAMAN YANG AMAT BERTAMBAH KEPADA PROTON, SAMBIL MENAMBAH:+KITA TELAH MEMINTA MITSUBISHI MOTORS MENGEKALKAN ENCIK IWABUCHI.+ -- BERNAMA